

KUALA LIPIS, 1 MEI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, BERKATA KUASA ORANG MELAYU AKAN TERLUCUT DENGAN SENDIRINYA HASIL USAHA DARI PARA PEMIMPIN PAS YANG SEDANG BERUSAHA MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN LIPIS DI RUMAH UMNO DISINI HARI INI, BELIAU BERKATA PIHAK PARTI PEMBANGKANG TIDAK INGIN MELIHAT UMNO BERJAYA DAN KUAT DI DALAM LAPANGAN POLITIK NEGARA.

BELIAU JUGA NAIB PRESIDEN UMNO BERKATA YANG DIPERTUA AGONG PAS DATUK ASRI SENDIRI PERNAH BERKATA KUASA ORANG MELAYU AKAN LUCUT MENJELANG TAHUN 1990.

+KUASA ITU AKAN LUCUT DISEBABKAN DATUK ASRI SENDIRI YANG BERUSAHA MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN ORANG MELAYU DENGAN CARA BERKERJASAMA DENGAN PARTI LAWAN TERMASUK PARTI DAP UNTUK MELEMAHKAN AHLI-AHLI UMNO DAN JUGA PARTI KOMPONAN BARISAN NASIONAN+, TAMBAH BELIAU. — BERSAMBUNG 1430/SZ

EE

B537:

UMNO-KUASA 2 KUALA LIPIS

KATANYA, DENGAN CARA ITU DATUK ASRI MENGHARAPKAN KENYATAANNYA MENGENAI KELUCUTAN KUASA ORANG MELAYU AKAN TERBUKTI MENJELANG TAHUN 1990.

BELIAU BERKATA TIAP-TIAP AHLI UMNO HENDAKLAH BERWASPADA TERHADAP GOLONGAN YANG CUBA MEMBANGKITKAN KETAKUTAN DAN KECURIGAAN MASA DEPAN ORANG MELAYU.

MENURUT BELIAU, DENGAN MEMBANGKITKAN MASALAH ITU PIHAK PARTI LAWAN MENGHARAPKAN SIMPATI DAN SOKONGAN DARI ORANG-ORANG MELAYU UNTUK KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI.

BELIAU BERKATA, AHLI-AHLI UMNO HENDAKLAH MENJAUHI DIRI MEREKA DARI GOLONGAN YANG BERPURA-PURA DAN BERSIMPATI DENGAN RINTIHAN ATAU KELOHAN+ JIWA ORANG MELAYU.

KATANYA, MEREKA ITU ADALAH MUSUH KEPADA PARTI UMNO DAN AHLI-AHLINYA. — BERSAMBUNG 1448/A1

UMNO-KUASA 3 KUALA LIPIS

BELIAU MENYERU SEMUA AHLI UMNO SUPAYA MENOLEH KE BELAKANG DAN MENGENALI BETUL-BETUL TENTANG DASAR DAN SEJARAH PERJUANGAN PARTI.

KATANYA, UMNO YANG UJUD LEBIH 30 TAHUN TELAH MENCIPTA BERBAGAI SEJARAH DALAM USAHA MENYATUPADUKAN ORANG-ORANG MELAYU.

+DALAM USAHA INI KITA TELAH BERJAYA MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU TANPA MEREPUT HAK ORANG-ORANG LAIN, UNTUK MENENTUKAN KEDUDUKAN ORANG MELAYU DI LAPANGAN POLITIK TANAH AIR, + TAMBAH BELIAU.

KATANYA, MEMANDANGKAN FAKTOR ITU TIAP-TIAP ORANG MELAYU KHASHYA AHLI-AHLI UMNO HENDAKLAH TERUS BERUSAHA BAGI MENGUATKAN LAGI PERPADUAN ORANG MELAYU.

MENURUT BELIAU DENGAN ADANYA PERPADUAN DAN KESTABILAN DALAM PARTI UMNO MAKA IA AKAN MEMBOLEHKAN NEGARA MENJADI KUAT DAN LEBIH STABIL. — BERSAMBUNG 1453/A1

UMNO-KUASA 4 KUALA LIPIS

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMNO TELAH MENERIMA KONSEP DEMOKRASI TETAPI DEMOKRASI YANG DITERIMANYA ITU MEMPUYAI DISIPLIN DAN ATURAN YANG TERTENTU.

+KITA BUKAN BEBAS SEHINGGA KITA BOLEH MEMBUAT SESUATU MENGIKUT KEHENDAK NAFSU HATI KITA SENDIRI,

+ SEGALA PERSELISIHAN FANAM HENDAKLAN DISELESAIKAN DIANTARA KITA SAMA SENDIRI MENURUT PERATURAN YANG ADA PADA KITA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA TIAP-TIAP AHLI YANG MUDA ATAU JENERASI MUDA DALAM UMNO HENDAKLAN MENGETAHUI SERTA MENELITI TENTANG SEJARAH PERJUANGAN PARTI UMNO.

KATANYA, UMNO TELAH BERJAYA DALAM USAHANYA DI BEBERAPA KEGIATAN POLITIK, SETIAP BADAN POLITIK YANG BERJAYA ITU TENTULAH AKAN MENGALAMI KEGIATAN IRIHATI DARI PARTI LAWAN ATAU GOLONGAN YANG LAIN. -- BERSAMBUNG 1502/A1